

~~Fayolichan YSM~~
Su. Polihli

Uapan : AD40
527
146/80

Uchapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Malaysia, Enche Hussein Onn, Di-upachara Pembukaan Rasmi Bengkel Kebangsaan Kedua mengenai Pendidikan Kependudukan yang Di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran bersama dengan Biro Rancangan Colombo, pada hari Isnin, 17hb. April, 1972, pukul 9.00 pagi, Di-Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ini-lah Bengkel Kebangsaan yang kedua mengenai pendidikan kependudukan yang di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran. Bengkel yang pertama telah di-adakan pada bulan Oktober tahun lepas. Tujuan utama mengadakan bengkel2 ini ia-lah untok mengkaji kemungkinan dan stratiji untok memasokkan pendidikan kependudukan ka-dalam bidang pelajaran sekolah dan latehan guru kita.

2. Soal pertama yang mesti di-jawab ia-lah: "Ada-kah pelajaran pendidikan ini berkaitan dengan bidang pelajaran sekolah2 kita?" Tuan2 ada-lah pakar dalam bidang ini, oleh itu tuan2 hendak-lah menimbangkan soal ini dengan teliti dan sechara mendalam. Tuan2 bukan sahaja mesti meyakinkan diri tuan2 sendiri tetapi juga rakyat negeri ini. Saya menegaskan perkara ini oleh kerana pelajaran dalam lapangan ini dalam sistem rasmi sekolah2 ada-lah merupakan satu perkara baru baik di-negara2 maju mahu pun di-negara2 membangun di-dunia ini. Guru2, tuan2 dan puan2 mesti-lah mengelakkan daripada di-tudoh bahawa ini ada-lah satu chara yang halus untok memperkenalkan pelajaran sex di-sekolah2. Terutama sekali Malaysia ada-lah sabuah negara yang mempunyai latar belakang keugamaan dan kebudayaan yang kuat dan jika maana dan maksud pendidikan dan kependudukan tidak di-terangkan dengan nyata, perkara ini tidak akan di-terima oleh rakyat dengan senang hati.

3. Kebanyakan negara2 di-dunia ini termasuk Malaysia menyedari akan bahaya yang di-hadapi oleh sa-sabuah negara yang berlebihan penduduk. Rancangan Pembangunan Malaysia yang Pertama dan Kedua mengekui kenyataan ini. Melalui rancangan Peranchang Keluarga, Kerajaan Malaysia berharap untok mengurangkan kadar kelahiran kepada 32 dari tiap2 saribu penduduk daripada 35 yang ada sekarang.

4. Bengkel Kebangsaan yang pertama telah memberikan sebanyak sedikit pendapat-nya mengenai pendidekan kependudukan. Bengkel tersebut telah mentafsirkan pendidekan kependudukan sa-bagai:

"Suatu ranchangan pelajaran untok mengkaji sifat2 kependudukan dengan menitekberatkan sebab2 dan akibat2 perkembangan penduduk dalam keluarga, masharakat, negara dan dunia dengan tujuan untok membentok sikap2 dan tingkah-laku yang rational dan bertanggung-jawab di-kalangan penuntut terhadap keadaan penduduk."

Melalui kajian yang telah di-buat, pendidekan kependudukan telah di-huraikan sebagai satu peroses di-mana penuntut menyiasat dan mengkaji sifat dan maana peroses kependudukan, sifat kependudukan, sebab2 perubahan kependudukan dan akibat peroses2 ini, perubahan kapada diri-nya sendiri, keluarga dan masharakat-nya. Pendidekan kependudukan telah juga di-huraikan sebagai satu peroses di-mana penuntut mempelajari bahawa teknik2 individu sa-saorang mempunyai anak atau berpindah dari satu tempat ka-satu tempat menimbulkan akibat2 di-kalangan masharakat. Penuntut itu mempelajari bahawa akibat dari tindakan2 individu menimbulkan kesan ka-atas masharakat dan keluarga-nya dan juga ka-atas diri-nya sendiri. Oleh itu telah di-perkatakan bahawa maklumat pendidekan kependudukan ada-lah untok membantu penuntut menyesuaikan masaalah kependudukan dengan diri-nya sendiri dan dengan itu menolong-nya membuat keputusan yang rational dan bertanggung-jawab sebagai indidvidu dan sechara beramai2 mengenai perkara2 kependudukan.

5. Mata2 pelajaran mengenai kependudukan ada-lah di-dapati dalam sukatan2 pelajaran sekolah rendah/menengah kita. Mithal-nya sukatan pelajaran sejarah, kita menyentoh espek2 sejarah, perkembangan kependudukan dan perpindahan maanusia. Sukatan pelajaran Ilmu Alam, kita menyentoh bilangan dan pembahagian penduduk di-Malaysia dan mana2 negara di-dunia ini. Sukatan pelajaran Sains, kita pula menyentoh perhubungan di-antara bilangan penduduk sama ada maanusia mahu pun binatang dan keperluan asas mereka terutama sekali makanan. Yang sebenar-nya ini ada-lah suatu chara kebetulan sahaja mengajar mata2 pelajaran mengenai penduduk. Tuan2 mungkin berpendapat bahawa ini bukan-lah satu chara yang memuaskan. Tuan2 mungkin memikirkan bahawa mata pelajaran ini patut-nya di-ranchangkan dan

dan di-satukan dengan betul-nya. Kesemua-nya ini ada-lah terpulang kepada pertimbangan tuan2 sekalian. Tidak di-ragu2kan lagi perundingan tuan2 akan di-ikuti dengan penuh minat oleh rakyat negeri ini.

6. Akhir sekali saya ingin menyatakan penghargaan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Biro Rancangan Colombo terutama sekali Dr. John Edlefsen atas bantuan kewangan dan lain2 lagi untuk mengadakan Bengkel Kebangsaan mengenai kependudukan yang telah lepas dan yang berjalan sekarang ini. Saya juga tidak ketinggalan mengucapkan Selamat Datang kepada sahabat2 kita daripada Ceylon, Iran, Republik Vietnam dan lain2 lagi yang berada bersama2 kita pada hari ini sebagai pemerhati.

7. Sekarang dengan beberapa sukachita-nya saya rasmikan Pembukaan Bengkel Kebangsaan yang Kedua mengenai Pendidikan Kependudukan.



No. Siri	102
No. Penerimaan	102/80